

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NEGARA

Cuaca panas, JKN digesa utamakan permohonan kipas

PETALING JAYA – Pengarah-pengarah Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) digesa supaya memberi keutamaan terhadap permohonan aset kipas oleh semua klinik seliaan mereka.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, ia perlu diberi perhatian utamanya dalam mendepani cuaca panas yang melanda negara pada ketika ini.

"Alhamdulillah, lapan unit kipas telah pun diterima Dr. Fazlin, FMS Klinik Kesihatan (KK) Kuala Kedah, hari ini (semalam). Terima kasih JKN Kedah," katanya menerusi ciapan di X semalam.

Dr. Dzulkefly berkata demikian sebagai respons kepada

ciapan X Fatimah Awang yang meminta supaya beliau melawat klinik berkenaan berikutan dikatakan daif selain kipas-kipas yang sudah 'uzur'.

Selain itu, beliau turut memaklumkan penilaian kos pendawaian semula KK Kuala Kedah telah dilakukan Bahagian Kejuruteraan JKN Kedah iaitu sebanyak RM250,000.

"Akan dikemuka sekali permohonan kepada Bahagian Kewangan Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan.

"Info keperluan penggantian kipas dan pendingin hawa sedang dikumpul untuk fasiliti-fasiliti kesihatan awam di Kedah untuk tindakan lanjut," ujarnya.



BEBERAPA unit kipas yang telah diberi kepada Klinik Kesihatan Kuala Kedah, semalam.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NASIONAL

KKM digesa pertimbang naik gaji jururawat, atasi masalah kekosongan

SHAH ALAM - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) digesa untuk mempertimbangkan cadangan menaikkan gaji dan elaun jururawat bagi mengatasi masalah petugas berkenaan berhenti kerja.

Naib Presiden MCA, Datuk Lawrence Low Ah Keong berkata, jika kerajaan tidak bertindak untuk mengisi kekosongan jururawat, ia akan memberi kesan kepada petugas sedia ada dari segi bebanan kerja, tekanan masa, tenaga dan mental.

Menurutnya, hal berkenaan akan memacu kepada kualiti perkhidmatan yang rendah di samping meningkatkan keinginan untuk berhenti kerja.

"Kerajaan hendaklah mempertimbangkan untuk menaikkan gaji dan elaun jururawat, walaupun bukan dengan margin yang besar dalam masa terdekat.

"Bukan itu sahaja, kerajaan juga perlu memperbaiki persekitaran tempat kerja seperti menyediakan tempat rehat dan makanan ketika mereka melakukan kerja lebih masa, tempat asuhan dan sebagainya sebagai langkah permulaan," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa. Sebelum ini, media tempatan me-



LAWRENCE

laporkan, sebanyak 6,896 kekosongan jururawat di KKM dalam tempoh empat tahun bermula negara serang wabak Covid-19.

Menurut laporan itu, antara faktor kekosongan tersebut adalah disebabkan tekanan persekitaran tempat kerja dan gaji yang rendah sehingga ramai petugas mengambil keputusan untuk ber-

henti kerja.

Dalam pada itu, Lawrence turut menyarankan agar kerajaan menawarkan jawatan kontrak menarik kepada jururawat yang telah bersara atau berhenti kerja, serta mengambil pekerja sambilan bagi kerja kurang teknikal bagi mengatasi kekosongan dalam jangka masa pendek.

"Saya berharap kerajaan menerusi KKM sentiasa bekerjasama rapat dan mendengar pandangan pelbagai pihak seperti Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), pakar-pakar perubatan serta mereka yang berkecimpung dalam bidang perubatan ini.

"Pastikan kumpulan penting ini sentiasa diberi ruang dalam sesi libat urus supaya setiap dasar atau keputusan yang hendak dilaksanakan mengambil kira pelbagai sudut secara menyeluruh demi kepentingan negara," ujarnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : NASIONAL

Beri keutamaan permohonan kipas

JKN diarah pastikan pengguna selesa dapatkan rawatan ketika cuaca panas

Oleh WAN MOHD NOOR
HAFIZ WAN MANSOR
ALOR SETAR

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyarankan semua Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) memberikan keutamaan kepada permohonan aset kipas oleh semua klinik di bawah seliaan mereka dalam menghadapi cuaca panas ketika ini.

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, perkara tersebut perlu diberikan perhatian oleh semua Pengarah JKN bagi memastikan pengguna selesa semasa mendapatkan rawatan.

"Alhamdulillah, lapan unit kipas telah pun diterima oleh Dr Fazlin daripada Pakar Perubatan Keluarga, Klinik Kesihatan Kuala Kedah pada Selasa.

"Pengarah-pengarah JKN lain diingatkan untuk memberikan keutamaan permohonan aset kipas supaya mencukupi di semua klinik kesihatan, klinik komuniti dan klinik desa dalam cuaca panas mutakhir ini," kata-



Lapan unit kipas telah pun diterima di Klinik Kesihatan Kuala Kedah bagi kemudahan orang awam.

nya yang dipetik melalui laman X pada Selasa.

Dr Dzulkefly berkata demikian menjawab hantaran di platform X daripada Fatimah Awang yang memohon perhatiannya turun padang untuk meninjau fasiliti Klinik Kesihatan Kuala Kedah termasuk kipas yang gagal berfungsi dengan baik.

Tambah beliau, penilaian kos pendawaian semula klinik kesihatan berkenaan telah dilaku-



DR DZULKEFLY

kan Bahagian kejuruteraan JKN Kedah melibatkan jumlah RM250,000.

"Penilaian semula kos pendawaian Klinik Kesihatan Kuala Kedah akan dikemukakan sekali permohonan kepada Bahagian Kewangan Ibu Pejabat KKM.

"Info keperluan penggantian kipas dan pendingin hawa sedang dikumpulkan untuk fasiliti-fasiliti kesihatan awam di Kedah untuk tindakan lanjut," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 28
RUANGAN : NEGERI

Dua kematian akibat denggi di Pulau Pinang

GEORGE TOWN - Sebanyak 51 kes demam denggi dengan dua kematian dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-15 (ME15) iaitu bagi tempoh 7 hingga 13 April lepas di Pulau Pinang.

Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) dalam kenyataan memaklumkan, daerah Seberang Perai Tengah (SPT) mencatatkan rekod tertinggi iaitu 18 kes, diikuti SPS (15), Timur Laut (lapan) dan masing-masing lima kes di daerah Barat Daya dan Seberang Perai Utara (SPU).

"Jumlah kumulatif kes demam denggi yang telah dilaporkan sehingga ME15 adalah sebanyak 1,730 kes, manakala kematian direkodkan masing-masing satu kes di daerah Timur Laut dan Seberang Perai Selatan (SPS)," menurut hantaran di laman Facebook JKNPP pada Selasa.

Menurut JKNPP, dua kawasan di SPT dikenal pasti sebagai *hotspot* taburan lokaliti wabak denggi iaitu Taman Alma Jaya dan Taman Nirwana manakala satu *hotspot* turut dikesan di Taman Sri Pinang dalam daerah Timur Laut.

Justeru, JKNPP menasihati orang ramai supaya mengambil langkah pencegahan dan kawalan sendiri bagi membasmi pembiakan nyamuk Aedes di kawasan rumah dan premis. - *Bernama*